

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SU KEONG SIONG**

**KAWASAN : IPOH TIMUR**

**NO. SOALAN : 241**

Y.B. TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMUR ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi, kita perlu ada inisiatif ke arah menggalakkan aktiviti lebih perdagangan dan perkhidmatan. Apakah strategi dan insentif Kerajaan untuk menggalakkan peningkatan perdagangan dan perkhidmatan di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi dan menyediakan pelbagai insentif bagi menggalakkan peningkatan perdagangan dan industri perkhidmatan negara. Antara strategi terbaru yang diperkenalkan ialah penubuhan Majlis Eksport Negara yang telah diluluskan pada Disember 2014. Majlis Eksport Negara ini telah mengadakan mesyuarat pertama dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 6 Mac 2015. Majlis ini berperanan untuk:

- (i) Membangunkan dasar dan pelan tindakan strategik serta inisiatif berimpak tinggi bagi melonjakkan eksport;
- (ii) Mengukuhkan kerjasama dan penyelarasan di antara Kementerian dan agensi untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan strategi dan pelan tindakan dalam meningkatkan eksport;
- (iii) Menangani isu-isu yang berkaitan dengan ekosistem eksport termasuk infrastruktur, piawaian dan pensijilan, halangan bukan tariff (NTBs), akses pasaran, akses kewangan dan tenaga kerja mahir; dan
- (iv) Memastikan undang-undang, peraturan dan persekitaran di dalam negara menyokong dan merancakkan pertumbuhan eksport.

Selain dari itu, inisiatif lain yang dilaksanakan untuk menggalakkan perdagangan dan eksport barangan dan perkhidmatan juga termasuk:

- (i) memfokus kepada sektor bernilai tinggi yang merupakan dan berpotensi menyumbang kepada eksport negara seperti:
  - barangan elektrik dan elektronik;
  - minyak dan gas ( barangan & perkhidmatan);
  - petrokimia & oleo kimia;
  - jentera bagi sektor-sektor seperti elektrik dan elektronik, getah, plastik, makanan, alat ganti dan kelengkapan penghawa dingin, pam, pemampat, kipas dan alat ganti;

- alat ganti dan komponen untuk industri aeroangkasa; dan
  - peralatan perubatan.
- (ii) Meningkatkan usaha-usaha promosi perdagangan dengan ASEAN dan pasaran tradisional lain seperti China, Amerika Syarikat dan Eropah;
- (iii) Memfokus usaha-usaha promosi perdagangan ke pasaran-pasaran baru seperti Afrika dan Amerika Latin;
- (iv) Mempertingkatkan promosi sektor perkhidmatan berpotensi tinggi seperti:
- MRO (*maintenance, repair and overhaul*);
  - pembinaan dan kejuruteraan;
  - seni bina dan reka bentuk;
  - kesihatan;
  - teknologi informasi dan komunikasi; dan
  - pendidikan.
- (v) Memperkukuhkan penerokaan pasaran antarabangsa di kalangan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) melalui program Go-Ex. Sektor yang diberi tumpuan adalah:
- teknologi informasi dan komunikasi;
  - perkhidmatan profesional;
  - kesihatan; dan
  - pendidikan.

- (vi) Melaksanakan program Mid-Tier bagi membantu syarikat pertengahan (Mid-Tier) melonjakkan pendapatan eksport dan menjadi juara serantau; dan
- (vii) Mempertingkatkan penggunaan e-platform di kalangan PKS bagi memudahkan urusan perdagangan.